

"Saya rasa kelainan kerana selalunya, kita mendapat bubur sahaja tetapi petang ini dengan akhbar yang diberikan mungkin dapat digunakan oleh ahli keluarganya untuk membaca sementara menunggu berbuka nanti," ujarnya.

Manakala, seorang pelajar sekolah rendah, Khairul Nazmi, 12, yang mengemari bubur lambuk mengucapkan terima kasih kepada pihak akhbar Transisi kerana memberi bubur dan akhbar.

"Saya terkejut kerana menyangkakan bubur ini dari Alor Setar tetapi dari UUM Sintok," katanya.

Dalam pada itu, Zian yang ditemui berkata, akhbar terbitan UUM ini diterbitkan dua minggu sekali dan menampilkan berita-berita menarik membabitkan isu semasa, politik, sukan, luar negara, wanita dan akademik.

Habis.

=====
DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my